

**PERBANDINGAN SISTEM PENALTI DAN KONVENSIONAL
DALAM PENGURUSAN DISIPLIN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

KHALIM ZAINAL

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor Falsafah**

November 2004

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PERBANDINGAN SISTEM PENALTI DAN KONVENSIONAL
DALAM PENGURUSAN DISIPLIN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

KHALIM ZAINAL

November 2004

Pengerusi: Profesor Madya Rohani Ahmad Tarmizi, Ph.D.

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan Program Sistem Penalti (PSP) sebagai satu kaedah pengurusan disiplin bilik darjah berdasarkan persepsi guru dan pelajar. PSP merupakan satu kaedah pengurusan disiplin yang menggunakan mata penalti untuk setiap kesalahan disiplin pelajar. Keberkesanan Program Sistem Penalti yang dilihat ialah terhadap aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum, kekerapan tingkah laku vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain. Perbandingan keberkesanan bagi aspek-aspek tersebut telah dilakukan dengan Program Disiplin Konvensional (PDK) iaitu program yang digunakan oleh kebanyakan sekolah dalam menguruskan disiplin bilik darjah.

Sampel kajian terdiri daripada 354 pelajar tingkatan empat dan 100 orang guru di sebuah sekolah yang melaksanakan PSP di daerah Ampang Selangor. Bagi tujuan perbandingan

360 pelajar tingkatan empat dan 95 orang guru di sebuah sekolah yang mengikuti pengurusan disiplin PDK telah dipilih. Pengumpulan data menggunakan instrumen soal selidik untuk guru dan pelajar bagi kedua-dua sekolah manakala temu bual diadakan terhadap 20 daripada 100 orang guru yang terlibat dengan PSP sahaja. Pekali Cronbach Alpha telah digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen. Data-data dianalisis menggunakan min dan peratusan bagi melihat keberkesanan PSP dan PDK terhadap aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum, vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain. Manakala ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan kesan berdasarkan persepsi guru dan pelajar terhadap aspek-aspek yang dikaji di antara PSP dengan PDK. Di samping itu rekod disiplin dan rekod pencapaian akademik sekolah yang melaksanakan PSP dan PDK akan dibandingkan untuk melihat keberkesanan kedua-dua program pengurusan disiplin pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan PDK lebih berkesan daripada PSP terhadap aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum [PSP min = 2.99, PDK min = 3.15]. Ini adalah kerana semakin tinggi min bagi aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum semakin berkesan PSP/PDK terhadap aspek tersebut. Bagi aspek vandalisme, ponteng, datang lewat dan masalah disiplin lain pula semakin rendah min, semakin berkurangan tingkah laku tersebut kesan pengurusan disiplin PSP/PDK. Dapatan menunjukkan PDK lebih berkesan daripada PSP terhadap tingkah laku vandalisme [PSP min = 2.79, PDK min = 1.77], ponteng [PSP min = 2.39, PDK min = 2.08] dan datang lewat [PSP min = 2.52, PDK min = 2.03] mengikut persepsi guru.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan kesan yang signifikan bagi aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum [$t(193) = -2.540, p < 0.05$], vandalisme [$t(193) = 16.707, p < 0.05$], ponteng [$t(193) = 3.664, p < 0.05$] dan datang lewat [$t(193) = 6.830, p < 0.05$] antara PSP dengan PDK. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek masalah disiplin lain [$t(193) = -1.902, p > 0.05$] antara PSP dan PDK mengikut persepsi guru.

Mengikut persepsi pelajar, PDK lebih berkesan daripada PSP terhadap aspek tingkah laku vandalisme [PSP min = 2.06, PDK min = 1.92], ponteng [PSP min = 2.87, PDK min = 2.58], datang lewat [PSP min = 2.41, PDK min = 2.22] dan masalah disiplin lain [PSP min = 2.42, PDK min = 2.26].

Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan kesan yang signifikan antara PSP dan PDK terhadap aspek vandalisme [$t(712) = 3.949, p < 0.05$] ponteng [$t(712) = 5.117, p < 0.05$], datang lewat [$t(712) = 4.446, p < 0.05$] dan masalah disiplin lain [$t(712) = 3.766, p < 0.05$]. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara PSP dan PDK bagi aspek pengurusan disiplin bilik darjah secara umum [$t(712) = -0.089, p > 0.05$] mengikut persepsi pelajar.

Berdasarkan rekod disiplin, didapati sekolah yang melaksanakan PSP lebih berkesan mengurangkan salah laku disiplin berbanding sekolah yang melaksanakan PDK. Kadar pengurangan salah laku vandalisme (0.1% hingga 0.6%), ponteng (0.1% hingga 8.1%), datang lewat (1.3% hingga 6.0%) dan masalah disiplin lain (0.1% hingga 4.7%) bagi

sekolah yang melaksanakan PSP. Manakala bagi PDK kadar pengurangan ialah vandalisme (0.1% hingga 0.3%), ponteng (0.1% hingga 1.9%), datang lewat (0.2% hingga 2.9%) dan masalah disiplin lain (0.5% hingga 3.5%).

Kesimpulannya kajian ini menunjukkan PSP lebih berkesan mengurangkan salah laku disiplin pelajar berbanding PDK. Ini menunjukkan walaupun PSP menggunakan mata penalti sahaja tetapi keberkesanannya mengatasi PDK sedangkan PDK menggabungkan dendaan dan peneguhan.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**A COMPARISON OF THE PENALTY SYSTEM AND THE CONVENTIONAL
IN MANAGING STUDENTS' DISCIPLINE
IN SECONDARY SCHOOL**

By

KHALIM ZAINAL

November 2004

Chairman : Associate Professor Rohani Ahmad Tarmizi, Ph.D.

Faculty: Educational Studies

The purpose of this study was to evaluate the effectiveness of the Penalty System Programme (PSP) as a method of classroom discipline management based on teachers and students' perception. PSP is a method of managing discipline by using penalty points for every disciplinary problems of a student. The effectiveness of this programme will be evaluated from five aspects namely classroom discipline management in general, vandalism, truancy, tardiness and other disciplinary problems. The effectiveness of the Penalty System Programme is evaluated by making a comparison to the Conventional Discipline Programme (CDP). CDP is widely used by Malaysian schools in managing classroom discipline.

Samples involved consist of students and teachers who are involved in PSP and CDP directly. They are 354 students and 100 teachers who are involved in PSP. 360 students

and 95 teachers are selected from a school that carried out the CDP. In this study, two sets of questionnaires were used that is one for the student, and another for the teachers. An interview was also carried out on 20 teachers from the 100 teachers involved in PSP. Cronbach Alpha was used in testing the reliability of the instruments we collect data from respondents. Data gathered through the questionnaires and interviews were analysed using the mean and percentage to see the effectiveness of PSP and CDP in the classroom management on the aspects of the classroom discipline management generally, vandalism, truancy, tardiness and other disciplinary problems. T-test is also used to see whether there is an effectiveness difference in terms of the aspects studied between PSP and CPD from the perceptions of teachers and students.

Findings showed that, CDP is more effective compared to PSP towards the aspect of classroom discipline management in general [PSP mean = 2.99, CDP mean = 3.15]. This is because the higher the mean, the more effective PSP/CDP towards the aspects of classroom discipline management in general. For the aspect of vandalism, truancy, tardiness and other disciplinary problems, the lower the mean, the more effective PSP/CDP in reducing vandalism, truancy, tardiness and other disciplinary problems. From the findings CDP is more effective than PSP towards reducing vandalism [PSP mean = 2.79, CDP mean = 1.77], truancy [PSP mean = 2.39, CDP mean = 2.08] and tardiness [PSP mean = 2.52, CDP mean = 2.03] according to the teachers perception.

According to the study, there is a significant difference for the aspect of classroom discipline management in general [$t(193) = -2.540, p < 0.05$], vandalism [$t(193) =$

16.707, $p < 0.05$], truancy [$t(193) = 3.664$, $p < 0.05$] and tardiness [$t(193) = 6.830$, $p < 0.05$] between PSP and PDK. There is no significant difference for the aspect of other disciplinary problems [$t(193) = -1.902$, $p > 0.05$] as perceived by the teachers.

On the other hand, according to the student perception, CDP is more effective compared to PSP on the aspects of vandalism [PSP mean = 2.06, CDP mean = 1.92], truancy [PSP mean = 2.87, CDP mean = 2.58], tardiness [PSP mean = 2.41, CDP mean = 2.22] and other disciplinary problems [PSP mean = 2.42, CDP mean = 2.26]. Findings also showed that there is a significant difference between PSP and CDP on the aspect of vandalism [$t(712) = 3.949$, $p < 0.05$], truancy [$t(712) = 5.117$, $p < 0.05$], tardiness [$t(712) = 4.446$, $p < 0.05$] and other disciplinary problems [$t(712) = 3.766$, $p < 0.05$]. There is no significant difference between PSP and PDK on the aspect of classroom discipline management in general [$t(712) = -0.089$, $p > 0.05$].

With reference to the school disciplinary record from 2000 to 2004, PSP is more effective in reducing vandalism, truancy, tardiness and other disciplinary problems. PSP managed to reduce vandalism (0.1% to 0.6%), truancy (0.1% to 8.1%), tardiness (1.3% to 6.0%) and other disciplinary problems (0.1% to 4.7%). CDP managed to reduce vandalism (0.1% to 0.3%), truancy (0.1% to 1.9%), tardiness (0.2% to 2.9%) and other disciplinary problems (0.5% to 3.5%). This showed that PSP is more effective than CDP in managing classroom discipline.

In conclusion PSP is more effective in managing classroom discipline compared to CDP. Although PSP used only penalty, it managed to reduce vandalism, truancy, tardiness and other disciplinary problems. CDP with a combination of punishment and reinforcement is less effective in reducing vandalism, truancy, tardiness and other disciplinary problems.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala pujian-pujian kepada Allah s.w.t. dan selawat ke atas junjungan kita Muhammad s.a.w. Dengan berkat kurniaNya serta bantuanNya juga dapatlah saya menyiapkan tesis ini. Saya amat bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana telah memberi kekuatan, semangat dan kesabaran untuk saya menyiapkan tesis ini, walaupun terpaksa menempuh pelbagai cabaran.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Rohani Ahmad Tarmizi selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan saya yang telah banyak membantu dalam memberi idea-idea yang tidak terhingga nilainya sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis saya yang terdiri daripada Prof. Datin Dr. Hjh Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Dekan Fakulti Dakwah dan Pengurusan dari Kolej Universiti Islam Malaysia, Kuala Lumpur dan Prof. Madya Dr. Zakaria Kasa, Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, yang telah membantu saya dalam usaha menyiapkan tesis ini. Semoga jasa mereka akan diberkati Allah s.w.t.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pn. Norshidah binti Mohamad Salleh, Pensyarah Fakulti Pendidikan UKM kerana telah menyunting dan menyemak tesis saya.

Akhirnya rakaman terima kasih ditujukan khusus kepada isteri saya Norshidah binti Mohamad Salleh serta anak-anak, Nabilah dan Mohd. Najib yang menjadi pendorong kuat dan sentiasa memahami di atas kesibukan saya dalam menyiapkan tesis saya.

Khalim bin Zainal

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksaan bagi Khalim bin Zainal telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 8 November 2004 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau bertajuk “Perbandingan Sistem Penalti dan Konvensional dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah Menengah” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksaan memperakui bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksaan adalah seperti berikut:

Aminah Ahmad, Ph.D.

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Habibah Elias, Ph.D.

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Sharifah Md. Nor, Ph.D.

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Abu Bakar Hashim

Profesor
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZAKARIAH ABD. RASHID, Ph.D.

Profesor/Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Rohani binti Ahmad Tarmizi, Ph.D

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mizan Adiliah binti Ahmad Ibrahim, Ph.D

Profesor
Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam
Kolej Universiti Islam Malaysia
(Ahli)

Zakaria bin Kasa, Ph.D

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, Ph.D.

Profesor/ Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia.

KHALIM BIN ZAINAL

Tarikh:

ISI KANDUNGAN

	Halaman	
ABSTRAK	ii	
ABSTRACT	vi	
PENGHARGAAN	x	
PENGESAHAN	xii	
PERAKUAN	xiv	
ISI KANDUNGAN	xv	
SENARAI JADUAL	xviii	
SENARAI RAJAH	xxiii	
SENARAI SINGKATAN	xxiv	
BAB		
I	PENDAHULUAN	
	Latarbelakang Kajian	1
	Pengurusan Disiplin Di Sekolah Sebelum Merdeka	5
	Pengurusan Disiplin Di Sekolah Selepas Merdeka	6
	Pengurusan Disiplin Dan Palsafah Pendidikan Kebangsaan	7
	Pengurusan Disiplin Berdasrkan Program Disiplin Konvensional	9
	Pengurusan Disiplin Berdasarkan Program Sistem Penalti	11
	Pernyataan Masalah	12
	Objektif Kajian	14
	Soalan Kajian	15
	Kepentingan Kajian	17
	Batasan Kajian	19
	Definisi Pembolehubah	20
	Pengurusan Disiplin Pelajar	20
	Pengurusan Bilik Darjah	20
	Persepsi Terhadap Kesan Penggunaan Program Sistem Panalti	21
	Persepsi terhadap Kesan Penggunaan Program Disiplin Konvensional	23
	Masalah Datang Lewat	23
	Masalah Ponteng	23
	Masalah Vandalisme	24
	Masalah Disiplin Lain	24
	Rumusan	25
2	TINJAUAN LITERATUR	
	Pengenalan	26
	Pengurusan Bilik Darjah dan Disiplin	26
	Teori Tingkah laku	32
	Kaedah Pengurusan Disiplin Berdasarkan Teori Tingkah Laku	40

	Peneguhan Positif	40
	Peneguhan Negatif	43
	Penjadualan Peneguhan	44
	Dendaan	47
	Penghapusan	49
	Pembentukan	49
	Modifikasi Tingkahlaku Secara Sistematis	53
	Teori Pembelajaran Sosial	55
	Program Sistem Penalti dan Kaitannya Dengan Teori Tingkahlaku	56
	Model-Model Disiplin Bagi Menguruskan Tingkah Laku Pelajar	60
	Dalam Bilik Darjah	
	Curwin dan Mendler dengan Disiplin Tiga Dimensi	60
	Model Disiplin Canter- Pendekatan Disiplin Assertif	66
	Model Disiplin Kounin- Kepekaan, Waspada dan Pengurusan	73
	Kumpulan	
	Model Disiplin Redl dan Wattenberg- Pengurusan Kumpulan	80
	Model ABC Dengan Peningkatan Disiplin Diri	84
	Model Disiplin Bersepadu	87
	Model Disiplin Glasser	91
	Kajian- Kajian Lepas Berkaitan Pengurusan Disiplin Pelajar	99
	Stail Guru Dalam Mendisiplinkan Pelajar	99
	Faktor Penyebab Masalah Tingkahlaku Di Sekolah	105
	Kajian Tentang Masalah Ponteng, Datang Lewat, Vandalisme	116
	dan Masalah Disiplin Lain	
	Ciri-ciri Sekolah Berdisiplin	120
	Perlaksanaan Peraturan Sekolah	124
	Pemulihan Masalah Disiplin Bilik Darjah	138
	Latihan Untuk Guru Berkaitan Dengan Pengurusan Bilik Darjah	140
	Mendisiplinkan Pelbagai Jenis Pelajar	141
	Kerangka Kajian	143
	Rumusan	146
3	METODOLOGI	
	Pendahuluan	149
	Rekabentuk Kajian	149
	Populasi Kajian	152
	Sampel Kajian	154
	Instrumentasi	155
	Soal Selidik	155
	Kesahan dan Kebolehpercayaan	159
	Temu bual	171
	Pengumpulan Data	172
	Analisis Data	172
	Rumusan	174

4	DAPATAN KAJIAN	
	Pendahuluan	177
	Profil Sekolah	179
	Profil Responden Guru	183
	Profil Responden Pelajar	185
	Persoalan Kajian Berdasarkan Profil Sekolah PSP / PDK	187
	Persepsi Guru Terhadap pelaksanaan PSP/PDK	189
	Persepsi Pelajar Terhadap PSP/PDK	211
	Analisis Berdasarkan Temubual	245
	Rumusan	248
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
	Pendahuluan	251
	Rumusan	251
	Perbincangan Dapatan	257
	Rumusan Keseluruhan	268
	Implikasi dan Cadangan	282
	Cadangan Kajian Lanjutan	289
	Kesimpulan	290
	 RUJUKAN	 291
	LAMPIRAN	303
	BIODATA PENULIS	361